



SURAT PEMBERITAHUAN
BAHAGIAN INSTITUSI MUKIM DAN KAMPUNG
JABATAN DAERAH TUTONG
BILANGAN: 07 / 2023

Kepada,
Semua Penduduk-Penduduk Mukim Kiudang dan Sekitarnya
Daerah Tutong
Negara Brunei Darussalam

PENDAFTARAN PENGUNDIAN,
MAJLIS PENGUNDIAN DAN PEMILIHAN CALON
PENGHULU MUKIM KIUDANG, DAERAH TUTONG

Dengan hormat suacita memaklumkan kepada Penduduk-Penduduk Mukim Kiudang bahawa Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Penghulu Mukim Kiudang akan diadakan pada hari Ahad, 01 Rabiulawal 1445 bersamaan 17 September 2023, jam 8.00 pagi hingga 2.00 petang bertempat di Dewan Sekolah Rendah Kiudang, Mukim Kiudang, Daerah Tutong bagi pengundian menggunakan kertas undi (*ballot paper*).

Manakala, bagi pengundi yang akan mengundi menggunakan aplikasi mudah alih E-Undi PMKK, pengundian akan dibuka selama tiga (3) hari bermula pada hari Jumaat, 15 September 2023 pada jam 8.00 pagi dan ditutup pada hari Ahad, 17 September 2023 pada jam 2.00 petang.

Untuk makluman Penduduk-Penduduk Mukim Kiudang dan sekitarnya **calon-calon bagi mengisikan jawatan sebagai Penghulu Mukim Kiudang** adalah seperti berikut:-

1. Awang Mohammad Refdie bin Haji Rosli

Beliau pada masa ini bekerja sendiri dan berumur 33 tahun semasa pencalonan.

2. Awang Haji Hirulizam bin Haji Jefrey @ Haji Khairulizam bin Haji Jefrey

Beliau pada masa ini bertugas sebagai Penolong Pegawai Penyiasatan, Hal Ehwal Ugama, Bahagian Penguatkuasa Ugama, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan berumur 42 tahun semasa pencalonan.

3. Awang Muhammad Amir bin Haji Umar Ali

Beliau pada masa ini adalah seorang Ahli Peniaga dan bekerja sendiri di bawah Syarikat Beliau Sendiri iaitu Tutong Destination Enterprise dan berumur 54 tahun semasa pencalonan.

4. Awang Masburah bin Suhaili

Beliau pada masa ini bertugas sebagai Pemangku Ketua Kampung Birau dan Kebia serta berumur 48 tahun semasa pencalonan.

Sehubungan itu, sukacita pihak Jabatan ini memohon kerjasama daripada semua **Penduduk-Penduduk Mukim Kiudang dan sekitarnya yang terdiri daripada Warganegara dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam yang tinggal bermastautin di Kampung Kiudang, Kampung Pad Nunok, Kampung Pengkalan Mau, Kampung Bakiau, Kampung Batang Mitus, Kampung Birau, Kampung Kebia dan sekitarnya di bawah Mukim Kiudang yang berumur tidak kurang 18 tahun (pada tarikh pengundian) adalah dijunjung / dipersilakan untuk berangkat / hadir ke Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Penghulu Mukim Kiudang dengan terlebih dahulu mendaftarkan nama masing-masing sebagai pengundi sama ada dengan menggunakan aplikasi mudah alih E-Undi PMKK dan kertas undi (*ballot paper*) seperti keterangan berikut:**

1. Bagi pengundian menggunakan **aplikasi mudah alih E-Undi PMKK, pengundi bolehlah mendaftar mulai sekarang dan tarikh tutup pendaftaran ialah pada hari Khamis, 14 September 2023 pada jam 8.00 pagi.**
2. Bagi undian menggunakan **kertas undi (*ballot paper*)**, pengundi bolehlah **mengembalikan borang sebelum pengundian ditutup pada hari pengundian diadakan dengan membawa kad pengenalan masing-masing dan pengundi hendaklah hadir di tempat Majlis Pengundian dan Pemilihan diadakan. Manakala, bagi yang bekerja sebagai **anggota pasukan beruniform** hendaklah membawa kad lesen memandu masing-masing.**

Borang daftar pengundi boleh diperolehi dan seterusnya dikembalikan kepada Pemangku-Pemangku Ketua Kampung masing-masing atau di Bahagian Institusi Mukim dan Kampung, Jabatan Daerah Tutong sebelum tarikh pengundian diadakan.

Untuk makluman, Pengundian dan Pemilihan Penghulu Mukim hanya dikira sah jika sekurang-kurangnya satu per tiga (1/3) dari jumlah keseluruhan pengundi yang berdaftar yang layak mengundi bagi Mukim Kiudang serta turut mengundi di Majlis Pengundian dan Pemilihan tersebut.

Oleh itu, penduduk-penduduk Mukim Kiudang adalah dialu-alukan untuk menghadiri Majlis Pengundian dan Pemilihan tersebut untuk memastikan keputusan undian nanti adalah sah dan diterima.

Keberangkatan / kehadiran penduduk-penduduk Mukim Kiudang adalah sangat-sangat diharapkan dan tidak lupa disembahkan / diucapkan berbanyak-banyak menjunjung kasih / terima kasih.

'Melayu Islam Beraja, Pegangan Belia Brunei'


(MOHAMMAD SOFIAN BIN HAJI BASRI)
Pemangku Pegawai Daerah

Rujukan : (29)JDT/IMK/S/UNDI
Tarikh : 23 Muharrom 1445 / 10 Ogos 2023

s.k.

Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
Pemangku Ketua Kampung Kiudang dan Pad Nunok, Tutong
Pemangku Ketua Kampung Birau dan Kebia, Tutong
Pemangku Ketua Kampung Pengkalan Mau, Bakiau dan Batang Mitus, Tutong